

TEKS USUL
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2018

USUL PENGIKTIRAFAN DAN PEMBERIAN INSENTIF KEUSAHAWANAN
SOSIAL DALAM KALANGAN BELIA DI MALAYSIA
OLEH IESA BIN SAIRI

Saya ingin menyeru Kerajaan Persekutuan mempercepatkan penubuhan kerangka perundangan bagi mengiktiraf keusahawanan sosial sebagai sebuah organisasi yang sah untuk beroperasi di mana-mana kawasan dalam Persekutuan Malaysia. Keusahawanan sosial adalah keusahawanan yang tidak menjadikan keuntungan sebagai matlamat utama, tetapi ia juga sebagai penyelesaian dalam bentuk perniagaan, kepada masalah sosial yang wujud dalam kalangan masyarakat. Pendek kata, keusahawanan sosial ini menggunakan model perniagaan sebagai satu cara penyelesaian kepada masalah-masalah sosial. Pengiktirafan dari segi perundangan ini penting sebagai rujukan yang tertinggi tentang definisi atau penerangan tentang keusahawanan sosial yang jelas.

Ketika ini, oleh sebab keusahawanan sosial masih lagi tidak mendapat pengiktirafan sebagai entiti yang sah, kebanyakan keusahawanan sosial ini didaftarkan sebagai persatuan atau sendirian berhad. Kesan daripada itu, timbul persepsi yang salah terhadap keusahawanan sosial. Keusahawanan sosial yang didaftarkan sebagai persatuan, ia sering disalah tafsir oleh masyarakat yang rata-rata tidak dapat membezakan antara sukarelawan dengan keusahawanan sosial, lalu mereka memukul rata dengan menyamakan keusahawanan sosial dengan sukarelawan padahal dalam realitinya, ia tidak berlaku sedemikian. Bukan itu sahaja, perundangan ini penting sebagai salah satu cara untuk meningkatkan keyakinan dan kepercayaan dalam kalangan masyarakat terutamanya para pelabur tentang status keusahawanan sosial itu sendiri. Selain itu, pengiktirafan melalui perundangan dapat menarik minat masyarakat khususnya golongan belia yang mempunyai kemahiran dan kepakaran untuk turut serta dalam melakukan aktiviti keusahawanan sosial, sekali gus meningkatkan potensi organisasi keusahawanan sosial dalam usaha memajukan masyarakat.

Saya ingin mencadangkan supaya setiap organisasi keusahawanan sosial yang berdaftar dan di bawah seliaan pihak berkuasa tempatan diberikan insentif sebanyak RM 5,000 setahun. Saya sedar bahawa organisasi-organisasi ini banyak membantu kerajaan negeri menyelesaikan masalah-masalah sosial di sekitar negeri Pulau Pinang, yang sepatutnya menjadi tanggungjawab kerajaan negeri untuk menyelesaikan masalah-masalah tersebut. Justeru, peruntukan ini adalah sebagai tanda terima kasih kepada organisasi keusahawanan sosial kerana membantu menyelesaikan masalah-masalah tersebut. Dasar Belia Pulau Pinang 2017 juga turut menyentuh tentang masalah-masalah belia Pulau Pinang seperti pengangguran dalam kalangan belia. Saya percaya peruntukan ini dapat membantu memudahkan pelaksanaan aktiviti-aktiviti organisasi ini serta mampu mengasah pengetahuan dan kemahiran belia yang terlibat terutamanya '*soft skills*' supaya lebih bersedia untuk bersaing dalam pasaran buruh yang semakin kompetitif. Selain itu, peruntukan ini akan memberi golongan belia satu persepsi baharu tentang keusahawanan sosial sebagai satu cabang pekerjaan yang baru seterusnya lebih bermotivasi untuk menyertai keusahawanan sosial.

Saya juga ingin mencadangkan satu lagi pemberian insentif iaitu pengurangan yuran permit perniagaan sebanyak 35% ke atas setiap permit yang dipohon oleh organisasi keusahawanan sosial yang berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan. Pengurangan yuran permit perniagaan ini selaras dengan bidang kuasa kerajaan negeri, sebagai tanda prihatin untuk mengurangkan sedikit sebanyak kos-kos yang ditanggung oleh usahawan-usahawan sosial ketika menjalankan aktiviti-aktiviti serta menguruskan operasi organisasi mereka sekali gus dapat mengubah tanggapan orang muda bahawa keusahawanan sosial ini satu perniagaan yang memerlukan kos yang tinggi.

Sebagai perkongsian kepada warga Sidang Muda, di Selangor terdapat sebuah organisasi keusahawanan sosial bernama Picha Group yang ahlinya terdiri daripada kalangan mahasiswa. Mereka berjaya menyelesaikan masalah sosial dalam kalangan pelarian di Selangor dengan membantu memasarkan makanan yang dimasak oleh pelarian itu kepada syarikat-syarikat korporat. Separuh daripada hasil jualan akan diserahkan kepada pelarian itu manakala separuh lagi hasil jualan digunakan untuk menampung kos-kos operasi untuk organisasi dan usaha-usaha pemasaran. Mereka telah berjaya membuka peluang kepada pelarian tersebut untuk memperoleh

pendapatan yang stabil untuk menyara kehidupan. Di saat masyarakat memandang hina terhadap golongan pelarian, kumpulan belia yang berhati mulia ini yang terdiri daripada mahasiswa inilah tampil untuk menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan. Sikap belia yang positif seperti inilah yang masyarakat dan negara perlukan dan tagihkan. Mereka ini perlu diangkat dalam masyarakat atas usaha dan niat murni mereka. Saya berharap kerajaan negeri sedia memberi segala sokongan dan dokongan untuk mereka meneruskan aspirasi mereka dalam membantu membangunkan masyarakat melalui apa cara sekali pun yang mereka pilih. Saya juga percaya kerajaan negeri komited untuk bekerjasama dengan belia-belia ini dalam pembangunan belia Pulau Pinang supaya belia-belia Pulau Pinang mampu menyerlahkan dan menggunakan potensi mereka secara optimum, demi menyebarkan kebaikan kepada masyarakat Pulau Pinang secara keseluruhan.

Sekian, terima kasih.

Yang ikhlas,

Iesa Bin Sairi

Ahli Sidang Muda 2018

